

16 DEC 2002

Agong-Kemboja/I

KERJASAMA ANTARA MALAYSIA DAN KEMBOJA BAWA BANYAK MANFAAT

Oleh: Siti Aishah Mohamad

PHNOM PENH, 16 Dis (Bernama) - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail bertitah kerjasama antara Malaysia dan Kemboja dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi dan maklumat telah membawa banyak manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Seri Paduka bertitah hubungan dua hala juga bertambah kukuh sejak lawatan negara pertama pada 2 Dis 1996.

"Ini terbukti dengan peningkatan pertukaran lawatan peringkat tinggi dan hubungan rakyat dengan rakyat antara kedua-dua negara," titah Seri Paduka dalam ucapan balas pada jamuan negara anjuran Raja Kemboja Norodom Sihanouk di Dewan Banquet Hall, Istana Diraja di sini malam ini.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Permaisuri Kemboja Norodom Monineath Sihanouk dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob selaku Menteri Pengiring.

Tuanku Syed Sirajuddin berharap lawatan negara tiga hari baginda ke Kemboja akan memperkukuhkan lagi hubungan rapat dan mesra yang sedia terjalin antara Malaysia dan Kemboja.

Seri Paduka turut mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Kemboja atas semua pencapaian dan usaha berterusan dalam merealisasikan wawasan pembangunan negara itu bagi sebuah negara Kemboja yang bersatu dan mencapai dalam pendidikan, sosial dan budaya.

Tuanku Syed Sirajuddin juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan Kemboja atas kejayaan menganjurkan Mesyuarat Sidang Kemuncak Asean Kelapan di Phnom Penh, selepas tiga tahun setengah negara itu menjadi anggota terbaru Asean.

"Amat membanggakan kerana Phnom Penh akan terpahat dalam sejarah ASEAN sebagai venue pertama Sidang Kemuncak ASEAN-India.

"Kami yakin bahawa melalui semangat menggalakkan kerjasama yang lebih banyak, Malaysia, Kemboja dan anggota Asean lain akan bergerak maju dan mendapat banyak manfaat daripada usaha bersama kita," titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah baginda bangga dengan peranan aktif yang dimainkan oleh Kemboja dan Malaysia dalam isu-isu serantau dan antarabangsa.

Sementara itu, Raja Norodom Sihanouk melahirkan penghargaan bagi lawatan negara yang penting itu yang telah memperkukuhkan lagi hubungan tradisi setiakawan yang menyatukan kedua-dua negara.

Baginda bertitah bahawa rakyat Kemboja amat mengkagumi usaha keras yang telah dilakukan oleh rakyat Malaysia sehingga membolehkan mereka mencapai pembangunan dan kemajuan pesat dalam pelbagai bidang di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami ingin menyatakan penghargaan kepada Malaysia, terutamanya Dr Mahathir yang telah memainkan peranan penting dalam proses damai, membolehkan Kemboja kembali mencapai kedaulatan dan perpaduan negara, selepas lebih dari dua dekad terlibat dalam kancah peperangan dan tragedi," titah Raja Norodom Sihanouk.

Baginda bertitah kerjasama dua hala antara Khmer-Malaysia berjalan lancar dan begitu juga kerjasama dua hala dalam Asean.

-- BERNAMA

SA AKT RHM